

Headline	Pembangking tak sepakat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	208 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 3,648
Frequency	Daily	PR Value	MYR 10,944



Pembangking tak sepakat

Bangi: Persembahan tarian seksi pada majlis makan malam sempena Tahun Baru Cina anjuran wakil rakyat PKR di Kedah baru-baru ini, jelas membelakangi dasar kerajaan negeri PAS yang melarang hiburan terlampau.

Timbalan Pengerusi UMNO Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata tindakan PKR berkenaan jelas membuktikan tiada kesepakatan di antara parti pembangking.

Pembangking tidak sepakat

“Bagi saya, pembangking tidak sepakat dan cakap ikut pandangan masing-masing. Ada kala kita dapat lihat satu parti keluarkan sesuatu kenyataan atau ketetapan yang tidak disenangi pemimpin lain dalam gabungan.”

“Isu dalam parti pun tak boleh diselesaikan secara be-

kerjasama, bagaimana nak pimpin rakyat dan negara?” katanya.

Bercakap pada sesi ramah mesra bersama pelajar dan pelancaran Student Entrepreneurship Association (SEA) di Universiti Kuala Lumpur, di sini, semalam, beliau yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata pakatan pembangking seharusnya lebih prihatin terhadap isu sensitif seperti itu.

“Tindakan PKR itu jauh berbeza dengan pendekatan Barisan Nasional (BN) yang sentiasa mengutamakan kepercayaan, toleransi dan hormat sama ada sesama parti atau rakyat,” katanya yang juga Ahli Parlimen Jerlun.

Sabtu lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PKR Kulim, Lim Soo Nee yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pe-

ngurusan Sumber Manusia dan Perpaduan Masyarakat Kedah, menganjurkan majlis menampilkan tiga penari wanita berpakaian mendedahkan sebahagian besar perut, dada dan belakang selain memakai skirt singkat.

Dakwaan tidak benar

Sementara itu, Mukhriz menyifatkan dakwaan PAS bahawa BN semakin terdesak untuk meraih undi golongan muda sehingga bertindak membawa masuk artis popular K-Pop, Park Jae-Sang atau PSY membuat persembahan di Pulau Pinang, sebagai tidak benar dan ‘cemburu’.

Katanya, kehadiran PSY tidak langsung bermotifkan politik, tetapi sebagai hiburan kepada masyarakat khususnya golongan muda yang begitu meminati penyanyi Korea itu.

“**Bagi saya, pembangking tidak sepakat dan cakap ikut pandangan masing-masing. Ada kala kita dapat lihat satu parti keluarkan sesuatu kenyataan atau ketetapan yang tidak disenangi pemimpin lain dalam gabungan”**

Mukhriz Mahathir,
Timbalan Pengerusi UMNO Kedah